

 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	No. Rujukan Dokumen	GPPT-08	No. Mukasurat	1/3
	Edisi		1	
Nama Dokumen	Garis Panduan Pengurusan Tenaga : Kawalan Dokumen		No. Semakan	0
			Tarikh Efektif	1 Januari 2022

GARIS PANDUAN PENGURUSAN TENAGA : KAWALAN DOKUMEN

(*Energy Management Document Control*)

1.0 TUJUAN

Tujuan Garis Panduan ini digubal adalah untuk menjelaskan maklumat berkaitan kawalan dokumen pengurusan tenaga di Universiti.

2.0 SKOP

Garis panduan ini terpakai ke atas mana-mana kumpulan kerja yang dipertanggungjawabkan untuk merancang, menyelaras, memantau dan melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan kawalan dokumen pengurusan tenaga di Universiti.

3.0 RUJUKAN

- 3.1 ISO 50001: 2018 Energy Management System (EnMS)
- 3.2 Energy Management Gold Standard (EMGS)
- 3.3 Prosedur Kawalan Dokumen (KLT-01)

4.0 DEFINISI / TAKRIFAN

- | | | |
|------------|---|--|
| Universiti | - | Universiti Tun Hussein Onn Malaysia |
| PTj | - | Pusat Tanggungjawab |
| JPKTU | - | Jawatankuasa Pengurusan dan Kecekapan
Tenaga Universiti |

5.0 TANGGUNGJAWAB

- 5.1 Pengerusi JPKTU bertanggungjawab memantau pelaksanaan gerak kerja kawalan dokumen pengurusan tenaga seperti mana yang digariskan di dalam garis panduan ini.
- 5.2 JPKTU bertanggungjawab mengesahkan dokumen, manual, prosedur atau arahan kerja berkaitan kawalan dokumen Pengurusan Tenaga.

 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	No. Rujukan Dokumen	GPPT-08	No. Mukasurat	2/3
	Edisi		1	
Nama Dokumen	Garis Panduan Pengurusan Tenaga : Kawalan Dokumen		No. Semakan	0
			Tarikh Efektif	1 Januari 2022

- 5.3 JPKTU bertanggungjawab mengawal dan menyelenggara dokumen berkaitan pengurusan tenaga di peringkat Universiti.
- 5.4 JPKTU bertanggungjawab mengenalpasti keperluan bagi mewujudkan dokumen baharu atau melakukan pindaan ke atas dokumen sedia ada berkaitan pengurusan tenaga.
- 5.5 JPKTU bertanggungjawab menyemak sebarang dokumen pengurusan tenaga kerja baharu atau pindaan.
- 5.6 JKPTU hendaklah memastikan dokumen pengurusan tenaga yang digunakan adalah edisi yang terkini.
- 5.7 JPKTU bertanggungjawab menyimpan salinan asal dan salinan yang dimajukan daripada jawatankuasa berkaitan bagi tujuan rujukan dan pemantauan.
- 5.8 JPKTU bertanggungjawab melupus dokumen berkaitan pengurusan tenaga.
- 5.9 JPKTU hendaklah menentukan dan mengemaskini sistem kawalan nombor dokumen, nombor semakan, nombor edisi yang bakal digunakan bagi setiap dokumen pengurusan tenaga.

6.0 KAWALAN NOMBOR DOKUMEN

- 6.1 Setiap dokumen pengurusan tenaga hendaklah menyatakan dengan jelas butiran seperti berikut;
 - a) Edisi Dokumen;
 - b) Nombor Semakan; dan
 - c) Tarikh Efektif.
- 6.2 Setiap nombor semakan hendaklah dikemaskini berdasarkan pindaan yang dilaksanakan mengikut keperluan semasa.
- 6.3 Setiap dokumen pengurusan tenaga adalah terhad dan tidak lebih daripada lima (5) kali semakan.
- 6.4 Nombor edisi dokumen pengurusan tenaga akan dikemaskini sekiranya jumlah semakan yang dilaksanakan ke atas dokumen tersebut melebihi daripada jumlah semakan yang ditetapkan.
- 6.5 Setiap pindaan dan semakan yang dilaksanakan ke atas mana-mana dokumen pengurusan tenaga hendaklah direkodkan bagi tujuan rujukan.

 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	No. Rujukan Dokumen	GPPT-08	No. Mukasurat	3/3
	Edisi			1
Nama Dokumen	Garis Panduan Pengurusan Tenaga : Kawalan Dokumen		No. Semakan	0
			Tarikh Efektif	1 Januari 2022

7.0 KAWALAN DOKUMEN OPERASI

- 7.1 Setiap dokumen pengurusan tenaga yang baharu hendaklah disemak dan didaftarkan bagi tujuan rujukan.
- 7.2 Dokumen asal pengurusan tenaga hendaklah disimpan dan dilabel sebagai '**DOKUMEN INDUK**' bagi memudahkan proses pindaan dan rujukan.
- 7.3 Setiap dokumen pengurusan tenaga yang diedarkan kepada pihak berkepentingan hendaklah dilabelkan sebagai '**DOKUMEN TERKAWAL**'.
- 7.4 Setiap salinan dokumen pengurusan tenaga yang diedarkan kepada warga Universiti di peringkat PTj hendaklah dilabelkan sebagai '**DOKUMEN TIDAK TERKAWAL**'.
- 7.5 Setiap pindaan yang dilaksanakan ke atas '**DOKUMEN TIDAK TERKAWAL**' tidak tertakluk kepada sebarang pindaan untuk dikemaskini.
- 7.6 Dokumen pengurusan tenaga baharu yang telah diluluskan hendaklah dihebahkan secara menyeluruh kepada pihak berkepentingan melalui mana-mana media yang bersesuaian.

8.0 KAWALAN KE ATAS DOKUMEN LUARAN

- 8.1 Penggunaan dokumen luaran yang berkaitan pengurusan tenaga adalah bergantung kepada keperluan.
- 8.2 Setiap dokumen luaran berkaitan pengurusan tenaga yang akan digunakan hendaklah disemak terlebih dahulu serta perlu mendapat pengesahan daripada Pengerusi JPKTU.
- 8.3 Setiap dokumen luaran berkaitan pengurusan tenaga yang digunakan hendaklah direkodkan bagi tujuan rujukan.
- 8.4 Dokumen luaran pengurusan tenaga hendaklah dilabel kepada pihak yang berkepentingan sahaja dan dilabel selaku '**DOKUMEN TIDAK TERKAWAL**'.

9.0 PINJAMAN DOKUMEN

Pinjaman dokumen pengurusan tenaga Universiti oleh pihak luar hendaklah mendapat kelulusan JPKTU dan setiap pinjaman hendaklah direkod bagi tujuan rujukan